



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

FENOMENA KOMPETITIF DI KALANGAN REMISIER MELAYU

LAMBAK TOMPANG

FPP 2001 15

FENOMENA KOMPETITIF DI KALANGAN REMISIER MELAYU

Oleh

LAMBAK TOMPANG

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
April 2001**



DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA

MENGASIHANI

MANIS DALAM INGATAN

IBU TERSAYANG : HAJAH HALIMAH AWANG

..... kasihmu tiada tepinya

ABAH TERCINTA : HAJI TOMPANG PUTEH

..... pemergianmu aku kehilangan cahaya

KELUARGA TERSAYANG : ALONG

ANGAH

ACIK

ALANG

MEM

..... terima kasih kerana menjadi pendorong paling mampan dan sedia

faham

IDA

..... terima kasih atas segalanya

DR.CIK LAH

.....terima kasih atas rakaman pengalaman

SEMUA IPAR DUAI DAN ANAK-ANAK SAUDARA

.....sesungguhnya harta paling berguna adalah ilmu dan seburuk-

buruk harta adalah ego.....

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

FENOMENA KOMPETITIF DI KALANGAN REMISIER MELAYU

Oleh

LAMBAK BIN TOMPANG

April 2001

Pengerusi : Jamilah Othman, Ph.D

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan memahami fenomena kompetitif yang dihadapi oleh beberapa usahawan Melayu terpilih. Secara khususnya kajian ini menjelaskan pengertian kompetitif dari pengalaman remisier Melayu yang menjadi ahli Persatuan remisier Melayu Malaysia (PRIBUMI).

Untuk menjawab persoalan kajian, kaedah *hermeneutic phenomenology* digunakan bagi memahami dan menjelaskan pengalaman remisier Melayu melalui kompetitif dalam kerjaya mereka. Narator yang terlibat adalah enam orang remisier Melayu yang secara sukarela bersedia berkongsi pengalaman. Para remisier ini

berpengalaman antara 6 tahun ke 13 tahun sebagai remisier.

Teknik perbualan terbuka digunakan semasa proses pengumpulan data. Perbualan dirakamkan melalui pita rakaman dan ditranskrip secara verbatim. Analisis bermula sebaik sahaja data dikumpul. Kajian ini mengandaikan bahawa para remisier Melayu berhadapan dengan fenomena kompetitif dalam perjalanan kerjaya mereka mengendalikan aktiviti saham dan pasaran saham. Analisis terperinci kemudiannya dilakukan untuk mencari tema dan kategori bagi menjawab persoalan kajian.

Tema telah dikategorikan kepada 1) punca berlakunya kompetitif, 2) pola kompetitif, dan 3) perubahan ekoran kompetitif. Punca kompetitif secara asasnya dijelaskan melalui kehendak bukan sahaja untuk mengekalkan kerjaya tetapi juga untuk mencapai kecemerlangan dalam kerjaya sebagai remisier. Kajian telah memaparkan bahawa kompetitif sememangnya wujud dalam 1) peningkatan sendiri yang merangkumi usaha, (a) meningkatkan abiliti untuk mendapatkan klien, (b) persetujuan klien untuk pelaburan terbaik, dan (c) menambah deposit bagi mendapatkan pulangan yang menguntungkan; 2) ketahanan diri menghadapi kompetitif; dan 3) keazaman untuk dihargai.

Selain daripada itu, wujudnya tiga pola kompetitif yang berlaku dalam kerjaya sebagai remisier yang meliputi 1) kelangsungan hidup (survival), 2) secara tidak langsung (indirect), dan 3) secara semulajadi

(natural). Juga ditemui, Fenomena kompetitif yang dilalui dalam kerjaya telah membawa perubahan kepada diri remisier Melayu yang merangkumi aspek 1) membangunkan keperkasaan diri yang meliputi (a) weltanschauung, dan (b) konsep hidup, dan 2) kepelbagaian strategi pengekalan.

Dapatlah dirumuskan bahawa pengalaman berhadapan dengan fenomena kompetitif telah mempengaruhi diri para remisier Melayu menilai dan memikirkan tentang kehidupan sekurang-kurangnya untuk enam orang Remisier Melayu yang ditemubual.

Abstract thesis submitted to the Senate of University Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

COMPETITION AMONG MALAY REMISIERS

By

LAMBAK BIN TOMPANG

April 2001

Chairperson : Jamilah Bte Othman, Ph.D

Faculty : Educational Studies

This study intended to understand the phenomenon of competition faced by a few selected Malay entrepreneurs. Specifically this study described competition from the experience and meaning of competition of Malay remisiers listed as members of the Malaysian Association of Malay Remisiers (PRIBUMI).

To answer the study question, hermeneutic phenomenology was used to understand and uncover the experience and meaning of competition of Malay remisiers in their career. The narrators in this study were Malay remisiers who volunteers participate and willing to share their experience. These narrators have had 6 to 13 years experience as

remisiers.

The willing narrators were interviewed through open conversation. The conversation was tape-recorded and transcribed verbatim. Analysis began started soon after the data was collected. This study assumed that the Malay remisiers experienced competition as they undertook the day – to – day activities in running their business in the share market. The theme and categories were then developed from a detailed analysis pertaining to the question of the study.

These themes were categorized into 1) the source of competition, 2) the pattern of competition, and 3) the outcome of competition. The source of competition was basically explained through the desire not only to remain but to also excel in the business. This study uncovered that competition is part of 1) self-development incorporated in (a) increased ability in getting clients, (b) agreement from clients for the best investments, and (c) increased deposit, and 2) self–resilience in facing competition, and 3) personal expectation for compliment from others.

Apart from sources of competition, it was also found that there exist three patterns of competition that pertain to the career of remisiers which are 1) survival, 2) indirect, and 3) natural. It was also exposed that competition paved (experienced) in their career has brought about changes to the Malay remisiers. These are the aspects of 1) self – resilience that include (a) weltanschauung and (b) personal/life concept

(concept of life); 2) survival strategies.

Thus, it can be concluded that, competition experienced by Malay remisiers influenced them in how they value and think about life especially for six Malay remisiers that was interviewed.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Rabbul - Jalil yang telah menganugerahkan kesempatan, kesihatan, kekuatan, semangat dan hidayahNya dalam menyempurnakan pengajian amnya dan tesis ini khususnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khas kepada:

1. **Dr. Jamilah Othman.** Penyelia tesis atas khidmat professional, perkongsian pengetahuan dan pengalaman, pencanaian minda, penerimaan, kepakaran dan kemudahan.
2. **Dr. Khairuddin Idris.** Ahli bersekutu kerana profesionalisme, perkongsian pengetahuan dan pengalaman, kepakaran, sokongan dan segala bentuk kerjasama serta bantuan.
3. **Dr. Shamsuddin Ahmad.** Ahli bersekutu ekoran khidmat professional, perkongsian pengalaman dan pengetahuan, kepakaran, segala bentuk bantuan dan sokongan serta kerjasama.
4. **Para pensyarah** di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, dan **staf-staf** sokongan di atas segala bantuan, bimbingan, dorongan dan sokongan yang telah diberikan sepanjang tesis ini disempurnakan.
5. Ucapan terima kasih dan penghargaan khas buat **Dr. Cik Lah** di atas segala bentuk bantuan, sokongan, dorongan, perkongsian pengalaman, penerokaan dan pencanaian minda, penerimaan beliau

terhadap diri ini yang lebih daripada penerimaan sebagai seorang pelajar dan atas segalanya.

6. Juga buat *Ida* yang sedia membantu mengatasi kerumitan dan cabaran ke arah penyempurnaan kajian.
7. Dirakamkan juga ucapan terima kasih kepada para **narator** atas kerjasama dan perkongsian pengalaman untuk merealisasikan kajian ini.
8. Akhirnya, terima kasih khas buat semua **ahli keluarga, rakan-rakan** serta **semua pihak** yang terlibat membantu menyempurnakan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bentuk kerjasama dan pertolongan mendapat tempat yang istimewa.

Manis Dalam Ingatan

Terima Kasih.

Lato

Tuhan.....

Terlalu banyak yang engkau anugerahkan, terlalu sedikit yang aku balas. Maafkan aku....

KANDUNGAN

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	xiii
SENARAI RAJAH	xvii

BAB

I	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Pernyataan Masalah	5
	Andaian Kajian	7
	Bias Pengkaji	9
	Limitasi Kajian	10
	Kepentingan Kajian	11
	Definisi Istilah	13
	Ringkasan	14
 II	 SOROTAN LITERATUR	
	Pendahuluan	16
	Siapakah Melayu	16
	Usahawan Melayu Dan Kegawatan Ekonomi Kompetitif	24
	Definisi	32
	Teori Dan Model	38
	Proses Penilaian Sosial Dan Pencapaian	42
	Pola	47
	Fenomena	54
	Faktor Penyumbang	65
	Kompetitif Dan Tingkahlaku Manusia	76
	Ringkasan	93

III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pendahuluan	95
	Rekabentuk Kajian	95
	Pemilihan Narator	103
	Prosedur	111
	Analisis Dan Intepretasi Data	121
	Ringkasan	127
IV	TEMUAN KAJIAN	
	Pendahuluan	129
	Latar belakang narator	130
	Tema	131
	Peningkatan Kendiri	132
	Ketahanan Diri	146
	Keazaman Untuk Dihargai	150
	Kelangsungan Hidup	153
	Tidak Langsung	157
	Semulajadi	159
	Bangunkan Keperkasaan Diri	162
	Strategi Pengekalan	171
	Ringkasan	173
V	RINGKASAN, PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN	
	Pendahuluan	179
	Ringkasan	179
	Perbincangan	181
	Rumusan	195
	Cadangan penyelidikan	207
	BIBLIOGRAFI	210

APPENDIKS

1 (Borang Akujanji)	220
2 (Soalan Asas)	223
3 (Pengurusan Data)	224
4 (Temuan Kajian)	236
5 (Surat Kebenaran)	237

VITA	238
-------------	------------

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	MODEL KOMPETITIF	40
2	MODEL PROSES KOMPETITIF	44
3	LATAR BELAKANG NARATOR	130
4	TEMUAN KAJIAN	236

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kompetitif sebagai satu fenomena sosial telah menarik ramai pengkaji untuk memahami fenomena ini (Johnson & Johnson, 1989). Kompetitif sebagai salah satu disiplin yang menjurus kepada memahami fenomena sosial, maka ruang lingkup kajian adalah berkisar kepada kehidupan manusia kerana manusia adalah makhluk sosial ciptaan tuhan yang unik.

Keunikan manusia terserlah melalui perlakuan, tindakan, personaliti dan corak serta cara fikirnya. Setiap manusia memiliki ciri-ciri peribadi yang berbeza antara seseorang dengan seseorang yang lain. Perbezaan ini berkait rapat dengan corak dan cara didikan awal oleh keluarga, alam persekolahan, persekitaran, norma sosial dan peraturan serta undang-undang negara. Mahathir (1970) menyatakan bahawa faktor keturunan juga antara elemen penting yang membentuk dan mempengaruhi perlakuan dan tatacara bagaimana seseorang itu berkelakuan.

Menjalani kehidupan, manusia tidak boleh lari dari menjalin hubungan sesama manusia, alam dan persekitaran. Dalam konteks

perhubungan sesama manusia, sama ada perhubungan dalam bentuk interaksi antara individu atau antara kumpulan, lazimnya perhubungan itu berasaskan gelagat perorangan serta kesan gelagat individu terhadap individu lain. Pengurusan manusia sangat rumit apabila wujud situasi tindakbalas individu terhadap sesuatu tindakan atau situasi adalah berbeda. Maka amatlah sukar untuk meramalkan dengan tepat tindakbalas manusia terhadap sesuatu fenomena sama ada ianya akan melahirkan bentuk kompetitif atau sebaliknya kerana tindakan manusia selalunya adalah kompleks.

Kompetitif boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan fenomena. Ianya adalah fenomena yang hampir tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian manusia. Rahim (1992) menyatakan bahawa kompetitif adalah antara komponen utama dalam interaksi manusia dalam sistem sosial. Johnson dan Johnson (1991) pula menyatakan bahawa kompetitif merupakan perkara lazim dalam kehidupan. Rahim (1992), dan Johnson dan Johnson (1989) berpendapat kompetitif yang berlaku mempunyai nilai yang tersendiri dan akan menghasilkan kesan yang positif dan negatif. Kompetitif juga berupaya melahirkan sesuatu yang bererti dalam hidup manusia dan ianya adalah sesuatu yang tidak mampu dielakkan terutamanya dalam sektor perniagaan (Fahey, 1999).

Kompetitif boleh berlaku tanpa mengikut batas usia, bangsa, status dan tahap organisasi. Malahan setiap kondusi kompetitif yang berlaku mampu membawa sesuatu yang bererti dalam hidup manusia. Fenomena

kompetitif adalah satu situasi di mana di mana seseorang terpaksa bersaing untuk mendapatkan sesuatu sumber di antara dua keadaan atau matlamat yang tidak boleh dicapai tanpa bersaing sesama manusia, standard, diri sendiri dan persekitaran (Deutsch, 1973). Oleh itu kompetitif boleh muncul di mana sahaja ada kondusi yang merangsangnya. Menurut Kohn (1992), walaupun kompetitif adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan, ianya boleh menjadi sesuatu yang bermakna dalam pembangunan dan perkembangan hidup. Tjosvold (1993) pula menyatakan bahawa kompetitif adalah sesuatu yang lazim berlaku dan ianya mampu melahirkan kerjasama dengan orang lain dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan membangunkan sesuatu tugas dengan berkesan apabila wujud situasi tertentu berbentuk tekanan.

Kompetitif adalah sebahagian daripada elemen yang wujud dalam dunia pekerjaan. Apatah lagi sekiranya pekerjaan tersebut memerlukan individu sentiasa berusaha memperkukuhkan kemampuan untuk menjadikannya mampu bertahan dalam kerjayanya. Menurut Mohd. Salleh (1993), industri saham dan pasaran saham adalah antara ratusan sektor yang mempertontonkan bagaimana kompetitif menjadi sebahagian daripada rencahnya.

Disebabkan saham dan pasaran saham terdiri daripada canaian pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman, hanya orang yang terlibat secara terus sahaja dalam sektor ini yang benar-benar memahami ilmu saham dan pasaran saham termasuk gelagatnya sekali (Mohd. Salleh,

1993). Dalam hal pasaran saham boleh juga dilihat sebagai cermin gelagat manusia dan dengan sendiri ianya boleh menjadi satu bahan sejarah yang amat penting.

Alam remisier dalam urusanniaga saham dan pasaran saham penuh dengan cabaran. Ianya memerlukan kekuatan fizikal, mental dan spiritual untuk menjadi remisier yang berjaya. Proses ini bukanlah suatu yang mudah apatah lagi dikalangan remisier Melayu kerana wujudnya pelbagai kekangan. Menurut Mohd. Salleh (1993), walaupun telah ramai yang menyedari bahawa peluang kerjaya dalam saham dan pasaran saham terbuka luas, terutamanya dikalangan orang Melayu; namun minat dan kecenderungan ini terhalang dengan wujudnya pelbagai halangan mengenai syarat-syarat untuk menjadi remisier yang dikenakan oleh syarikat-syarikat broker saham semasa mereka mula bekerja.

Walaupun amalan mengenakan syarat-syarat yang ketat dan pelik ini tidak berlaku disemua syarikat broker saham, tetapi ianya boleh menghalang potensi anak Melayu menceburi bidang ini yang menawarkan peluang pendapatan yang lumayan kerana syarikat broker tidak menyediakan mereka peluang yang luas untuk menjadi remisier sepenuhnya.

Menurut Mohd. Salleh (1993), ada dikalangan remisier Melayu yang menyedari bahawa mereka diambil bekerja sebagai remisier hanya untuk memenuhi syarat kuota bumiputera bagi memenuhi syarat yang dikenakan oleh pendaftar syarikat. Walaupun ini bertentangan dengan

undang-undang, tetapi ramai dikalangan remisier Melayu tidak berani bersuara kerana takut kehilangan pekerjaan. Ini menjadikan ramai di kalangan remisier Melayu kecewa dan ingin berpindah ke syarikat lain tetapi keinginan ini dihalang oleh perjanjian yang ditandatangani semasa mula-mula bekerja, yang mengandungi pelbagai syarat yang sukar dipenuhi (Mohd. Salleh, 1993). Fenomena ini secara tidak langsung membunuh peluang, ruang dan kesempatan dikalangan anak Melayu dan sama ada disedari atau tidak, mereka mula berkompetitif sejak mula diterima bekerja sebagai remisier.

Kompetitif bukanlah satu malapetaka atau pemusnah dalam hidup manusia. Bagaimana kaedah, pendekatan dan teknik yang digunakan oleh manusia hingga membolehkan kompetitif tersebut dimanfaatkan dan melahirkan kebaikan. Tjosvold (1993) melihat kompetitif bergantung kepada tanggapan, pengharapan, nilai dan pengukuran terhadap sesuatu fenomena.

Sesungguhnya manusia mentafsir kompetitif bukanlah sekadar sembarangan, tanggapan dan kepercayaan kepada sesuatu tingkahlaku tetapi lebih kepada tahap kejujuran, tanggapan dan penilaian ke atas semua aspek berlandaskan pengalaman berhadapan dengan kompetitif.

Pernyataan Masalah

Manusia sering mengalami kompetitif dalam menjalankan kehidupan seharian dengan tujuan memenuhi keinginan, keperluan dan

kepuasan hidup. Individu-individu yang mengalami kritikan-kritikan yang negatif mungkin memilih konfrantasi langsung, kompetitif atau pengelakan (Rahim, 1992) untuk berhadapan dengan kompetitif yang mungkin meningkatkan lagi suhu sesebuah perhubungan.

Budaya kompetitif telah menjadi amalan sejagat dan menjadi proses semulajadi (Muhammad, 1993) dan fenomena kompetitif adalah satu proses sosial yang telah dibudayakan dikalangan masyarakat Barat (Vealey, 1994), tetapi dikalangan orang Melayu, kompetitif juga telah menjadi sebahagian daripada rencah kehidupan. Ianya berlaku dalam banyak perkara dan bentuk sehingga membentuk satu fenomena yang tersendiri. Fenomena kompetitif dikalangan orang Melayu telah berlangsung dalam jarak waktu yang cukup panjang dan telah menjadi fenomena yang lazim (Muhammad, 1993).

Di kalangan remisier, kompetitif tidak dapat dielakkan kerana sektor ini telah sekian lama dikuasai oleh orang bukan Melayu; khususnya kaum Cina. Justeru untuk membolehkan remisier Melayu terus berada dalam sektor ini, kompetitif dengan kaum lain adalah perlu kerana orang Melayu masih baru dalam bidang ini dan wujudnya pelbagai kekangan (Mohd. Salleh, 1993).

Malahan Mohd. Salleh (1993) juga menyatakan bahawa kurangnya pelabur yang berpotensi dikalangan orang Melayu meletakkan golongan remisier Melayu dikancah kompetitif terutamanya untuk mendapatkan

klien kerana pelabur bukan Melayu sukar melantik orang Melayu sebagai remisier.

Fenomena kompetitif menurut Tjosvold (1993) berlaku disebabkan wujudnya seseorang yang mengawal atau mengetuai sesuatu kepentingan, wujudnya perbezaan matlamat dan keinginan antara dua pihak serta timbulnya situasi yang saling tidak mempercayai dan tidak yakin dengan pihak yang satu lagi. Kedua-dua pihak mengelak daripada mengadakan titik pertemuan mencari titik persamaan.

Kompetitif menjurus kepada bagaimana seseorang berjaya mendominasi sesuatu sumber dan berjaya mempengaruhi sesuatu keputusan dan sentiasa bertarung untuk menang; ataupun sekurang-kurangnya berasa tidak kecewa (Martens, Vealey & Burton, 1990).

Oleh yang demikian, kajian ini berusaha untuk memahami fenomena kompetitif yang dihadapi, berlaku dan bermain dalam ruang lingkup kerjaya remisier Melayu.

Andaian Kajian

Kajian ini berusaha untuk memahami secara empati fenomena kompetitif yang berlaku dikalangan remisier Melayu. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan beberapa andaian awal. Andaian ini berpaksikan prinsip yang dikemukakan oleh Deutsch (1973) iaitu setiap